

MESYUARAT AGONG TAHUNAN BAKAT 2015 PANGKALAN UDARA KUANTAN

 airforce.mil.my/arkib/arkib/28-bakat/bakat-pangkalan/641-mesyuarat-agong-tahunan-bakat-2015-pangkalan-udara-kuantan

KUANTAN, 6 Mac 16 – Tanggal 6 Feb 2016 merupakan hari yang bersejarah bagi BAKAT Pangkalan Udara Kuantan apabila Ketua Biro telah pun bertukar wajah. Majlis ini telah dirasmikan oleh Komander Pangkalan, YBhg Brig Jen Dato' Hj Yazid bin Arshad TUDM dan turut dihadiri Ketua Cawang Tadbir Udara Kuantan.

Setelah selesainya majlis perasmian dan jamuan makan, Mesyuarat Agong Tahunan yang dipengerusikan oleh YBhg Puan Hjh Nazriah bt Mahmood telah dimulakan pada jam 0930.

Mesyuarat dimulakan dengan membentang dan meluluskan minit mesyuarat yang lepas, diikuti dengan usul perkara-perkara yang berbangkit, pembentangan kewangan oleh Bendahari dan seterusnya diikuti dengan pembubaran Ahli Jawatankuasa lama dan perlantikan Ahli Jawatankuasa baru, pemilihan-pemilihan Ahli Jawatankuasa Kecil bagi setiap biro yang terdiri daripada Timbalan Pengurus, Bendahari, Biro Kebajikan PPDK, Biro Resepsi, Biro Sukan, Biro Pendidikan, Biro Harta, Biro Masakan, Biro Agama, Biro Kebudayaan, dan Biro Harta.

Perancangan aktiviti bagi tahun 2016 turut dibincangkan dan diakhiri dengan sesi dialog. Mesyuarat Agong Tahunan ini telah berakhir pada jam 1130 dengan sesi bergambar oleh YBhg Datin Hjh Nazriah bt Mahmood bersama-sama ahli-ahli BAKAT yang hadir.



